

Kembalinya
**Tanda
Amaran**

Syarikat ini pernah didenda kerana melanggar syarat penyenaaraian sebelum ini.
Persoalannya, adakah Fitters Diversified benar-benar mengambil iktibar
daripada kesilapan lalu?

FITTERS: SUSULAN KRISIS TADBIR URUS

Fitters Diversified Berhad (Fitters) baru-baru ini menjadi perhatian berhubung beberapa kelemahan dalam amalan tadbir urus korporatnya, sekali gus menimbulkan kebimbangan serius mengenai pengawasan oleh lembaga pengarah, ketelusan serta perlindungan pemegang saham minoriti.

Denda berat oleh pihak pengawal selia, transaksi urus niaga yang besar dengan pihak berkaitan serta amalan penzahiran maklumat yang menimbulkan tanda tanya mendedahkan kelemahan dalam urusan pentadbiran syarikat ini.

Fitters memulakan operasi pada tahun 1970-an sebagai penyedia penyelesaian perlindungan dan pencegahan kebakaran. Syarikat ini kemudiannya membangunkan reputasinya sebagai pakar yang menawarkan penyelesaian sehati untuk hal-hal yang berkaitan dengan perlindungan kebakaran.

Sepanjang beberapa dekad yang lalu, Fitters mengembangkan perniagaannya melangkaui teras asal kepada pembangunan hartanah dan pembinaan, tenaga boleh baharu dan tenaga daripada sisa serta operasi kilang minyak sawit lestari.

Bagaimanapun, amalan tadbir urus Fitters sekali lagi menjadi perhatian selepas Bursa Malaysia mengambil tindakan pengawalseliaan ke atas syarikat itu.

Denda dan Teguran oleh Bursa Malaysia

Pada September 2025, Bursa Malaysia Securities Berhad telah mengeluarkan teguran kepada Fitters dan mengenakan denda sebanyak RM400,000 setiap seorang ke atas lima pengarah semasa dan bekas pengarah syarikat. Denda tersebut dikenakan berhubung pelanggaran yang berkaitan dengan pemerolehan dan pelupusan saham dalam Computer Forms (M) Berhad, sebuah syarikat yang diklasifikasikan sebagai pihak berkaitan kerana mempunyai pemegang saham utama yang sama.

Pihak pengawal selia mengenal pasti beberapa kegagalan utama syarikat:

- Tidak membuat pengumuman dengan segera.
- Tidak mendapatkan kelulusan pemegang saham sebelum melaksanakan urus niaga.
- Tidak melantik penasihat bebas.
- Pendedahan awal yang dibuat adalah tidak tepat dan mereka hanya memohon pengesahan pemegang saham selepas itu.

Perkara ini bukan sekadar kesilapan teknikal kecil. Ia melibatkan pelanggaran syarat asas penyenggaraan yang dibentuk bagi melindungi pemegang saham minoriti. Pengumuman segera memastikan ketelusan. Pelantikan penasihat bebas membantu menjamin keadilan transaksi. Kelulusan awal daripada pemegang saham pula dapat mengelakkan konflik kepentingan.

Pengabaian terhadap langkah-langkah ini mendedahkan pemegang saham minoriti kepada risiko.

Jumlah denda sebanyak RM400,000 yang dikenakan ke atas setiap pengarah menunjukkan bahawa pihak pengawal selia memandang serius pelanggaran tersebut. Tindakan sedemikian bukan sahaja menjejaskan reputasi syarikat, malah memberikan isyarat terdapat kelemahan dalam kawalan dalaman dan pengawasan lembaga pengarah.

“Urus niaga” Pihak Berkaitan Bernilai RM150 Juta

Satu lagi isu tadbir urus melibatkan deposit yang boleh dipulangkan sebanyak RM150 juta yang dibayar untuk cadangan pemerolehan hartanah di Klebang, Melaka.

Deposit tersebut telah dibayar kepada Sanichi Precision Mould Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh Sanichi Technology Berhad) pada 28 Ogos 2025. Urus niaga ini diklasifikasikan sebagai urus niaga pihak berkaitan kerana melibatkan pengarah yang sama dan/atau pemegang saham utama yang sama.

RM150 juta merupakan jumlah yang besar bagi Fitters.

Jumlah ini mewakili 37.1% daripada aset bersih syarikat setakat 31 Ogos 2025. Bagi sebuah syarikat dengan permodalan pasaran berjumlah kira-kira RM70 juta, komitmen ini ternyata amat besar.

Fitters meletakkan deposit tersebut di bawah Pernyataan Minat (*Expression of Interest*, EOI) bagi mendapatkan hak untuk membeli 196 unit SOHO dan 66 unit runcit dalam sebuah projek pembangunan bercampur. Pada masa itu tiada perjanjian muktamad atau mengikat dimeterai antara pihak-pihak yang terlibat, justeru tiada pengumuman atau pekeliling diperlukan.

Bagaimanapun, skala komitmen ini tetap menimbulkan kebimbangan dari sudut tadbir urus, meskipun deposit tersebut boleh dipulangkan sepenuhnya dan pemerolehan boleh dibatalkan.

Apabila urus niaga pihak berkaitan melibatkan sehingga 37.1% daripada aset bersih syarikat, para pelabur sepatutnya menerima penzahiran yang jelas dan tepat pada masanya supaya mereka dapat menilai sendiri risiko yang terlibat.

Tanpa pengumuman dan penzahiran yang mencukupi, pemegang saham mungkin tertanya-tanya, apakah rasional strategik di sebalik cadangan pemerolehan hartanah ini, lebih-lebih lagi apabila ia dilihat tidak selari dengan operasi teras kumpulan. Selain itu, adakah syarikat melaksanakan penilaian bebas bagi memastikan urus niaga tersebut dibuat secara telus dan pada terma komersial yang adil, memandangkan wujudnya hubungan pihak berkaitan?

Penzahiran Maklumat Tetapi “Tersorok”

Dalam hal ini, isu yang mungkin paling membimbangkan ialah cara maklumat tersebut dizahirkan.

Deposit berjumlah RM150 juta itu hanya disebut pada halaman 180 dalam Laporan Tahunan 2025 di bawah bahagian “deposit boleh dipulangkan”. Walaupun secara teknikal, maklumat tersebut telah dizahirkan, meletakkan maklumat penting sebegini jauh dalam bahagian nota kaki laporan ternyata menunjukkan kelemahan dari aspek ketelusan.

Transaksi urus niaga sepatutnya diketengahkan dengan jelas serta dihuraikan dalam bahagian Perbincangan dan Analisis Pengurusan (*Management Discussion & Analysis*, MD&A). Apabila maklumat penting “disorokkan” dalam laporan yang panjang, ia boleh menimbulkan persepsi seolah-olah terdapat usaha untuk menyembunyikan maklumat dan seterusnya menjejaskan keyakinan pelabur.

Pelabur tidak sepatutnya menyelak sehingga ke halaman 180 dalam laporan untuk menemui maklumat sedemikian.

Mampukah Fitters Menangani Kebimbangan Tadbir Urus Ini?

Apabila dilihat secara keseluruhan: pelanggaran peraturan baru-baru ini, deposit besar yang melibatkan pihak berkaitan serta amalan penzahiran yang lemah, semua ini mencerminkan satu corak kelemahan dalam tadbir urus Fitters. Isu-isu ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan pengawasan lembaga pengarah, kekuatan kawalan dalaman serta tahap perlindungan pemegang saham minoriti. Apabila urus niaga besar tidak didedahkan dengan jelas atau tidak mendapat kelulusan yang sewajarnya, keyakinan pelabur akan terjejas.

Paling penting, lembaga pengarah perlu menunjukkan komitmen sebenar dalam usaha melindungi kepentingan pemegang saham minoriti. Ini termasuklah memastikan urus niaga pihak berkaitan disemak secara bebas, urus niaga yang ketara diumumkan dengan segera dan pendedahan maklumat dibuat secara jelas serta telus, iaitu semua aspek yang sebelum ini membawa kepada tindakan penguatkuasaan oleh Bursa Malaysia.

Tadbir urus yang kukuh amat penting bagi memulihkan kepercayaan, melindungi pemegang saham minoriti dan menyokong kemampanan syarikat dalam jangka panjang. Persoalannya sekarang, adakah Fitters benar-benar belajar daripada kesilapan lalu?

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.